

## **SYARAT-SYARAT TUNTUTAN KERJA LEBIH MASA, ELAUN MOTOSIKAL DAN BASIKAL**

---

1. Tuntutan kerja lebih masa dan elaun motosikal/basikal hanya dibenarkan 2 (dua) bulan dari bulan semasa bayaran gaji. Contoh:- Sekiranya bulan bayaran gaji bulan Januari 2017 maka 2 (dua) bulan sebelumnya yang dibenarkan adalah bagi bulan Disember 2016 dan November 2016 sahaja.
2. Tuntutan yang dihantar lewat melebihi dua (2) bulan dari tarikh pembayaran gaji tidak akan dibayar kecuali ada penjelasan yang munasabah secara bertulis dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.
3. Selaras dengan Panduan Pengguna: TUNTUTAN CUTI GANTIAN DAN PERMOHONAN CUTI GANTIAN, tuntutan kerja lebih masa dan elaun motosikal/basikal lewat melebihi 3 (tiga ) bulan tidak dibenarkan dan pembayaran tidak akan diproses.
4. Tuntutan kerja lebih masa dan elaun motosikal/basikal hanya boleh dituntut sekali sahaja dalam tempoh sebulan. Sekiranya pada bulan berkenaan masih mempunyai tuntutan yang perlu dibuat, tuntutan tersebut perlu dikumpulkan dan dihantar serentak pada bulan yang sama bagi memudahkan pembayaran.
5. Bagi tuntutan kerja lebih masa yang menggunakan vot peruntukan yang berbeza, pemohon juga hendaklah mengumpul dan menghantar tuntutan serentak pada bulan yang sama.
6. Pastikan Borang Tuntutan Bayaran Kerja Lebih Masa – SOK/KEW/BR021/BYR di ruangan Bhg. II ditandatangani, disemak dan diluluskan oleh pegawai yang berbeza.
7. Tarikh penghantaran dokumen tuntutan elaun perlu mengikut jadual pembayaran gaji yang telah ditetapkan. Sila rujuk Jadual Pembayaran Gaji Tahunan dilaman web Pejabat Bursar dan Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2005 - Garis Panduan Tuntutan Elaun Lebih Masa.